



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 51
No. 4

15hb Februari 2007

TAMBAHAN No. 19
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 62.

**AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN
PERSENDIRIAN) 1984**

**PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN)
(PUNGUTAN TOL) (LEBUHRAYA UTARA SELATAN HUBUNGAN TENGAH DAN
LEBUHRAYA KLIA) (PINDAAN) (No. 2) 2007**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [Akta 306], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah dan Lebuhraya KLIA) (Pindaan) (No. 2) 2007 .

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2007.

Pindaan Jadual Kedua

2. Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah dan Lebuhraya KLIA) 2002

Exemption

4. The Minister may exempt any goods vehicles from any provision of these Rules subject to such conditions as he may determine.

SCHEDULE

(1)	(2)
Types of Goods Vehicles	Duration and Time of Prohibition
(a) Timber lorry, lorry transporting construction materials such as cement, iron, steel, stones, sand, earth and other construction materials	From 16 until 17 February 2007 and from 24 until 25 February 2007 at all times
(b) Cement mixer lorry and heavy machineries (crane, low loader and other heavy machineries)	From 16 until 17 February 2007 and from 24 until 25 February 2007 at all times
(c) Container/cargo lorry transporting electronic/electrical goods	From 16 until 17 February 2007 and from 24 until 25 February 2007 from 12.00 midnight until 6.00 a.m.
(d) Container/cargo lorry plying between ports and airports which are not in the same locality	From 16 until 17 February 2007 and from 24 until 25 February 2007 from 12.00 midnight until 6.00 a.m.

Made 8 February 2007
[KP/BD/PJ/0.109/Jld. 27; PN(PU²)460/XLVIII]

DATO' SRI CHAN KONG CHOY
Minister of Transport

P.U. (A) 73.

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2005

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (KEPERLUAN
PENDEDAHAN BAGI AKAUN AMANAH DAN AKAUN BERSAMA) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 dan 100 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 [Akta 642], Perbadanan, dengan kelulusan Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Keperluan Pendedahan Bagi Akaun Amanah Dan Akaun Bersama) 2007 .

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2007.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“akaun amanah” ertinya suatu akaun amanah yang dibuka atau disenggarakan dalam sesuatu institusi anggota oleh seorang pendeposit yang bertindak sebagai pemegang amanah yang berkenaannya, setiap benefisiari bagi akaun amanah itu dan amaun atau peratusan kepentingan benefisiari itu dalam akaun amanah itu, boleh dikenal pasti:

“akaun bersama” ertinya suatu akaun bersama yang dibuka atau disenggarakan dalam sesuatu institusi anggota oleh seorang pendeposit yang bertindak sebagai pemunya bersama dengan mana-mana orang lain;

“kepentingan benefisiari” ertinya wang yang dipegang dalam suatu akaun amanah bagi benefisiari yang dinamakan;

“pemegang amanah” ertinya seorang pendeposit yang bertindak sebagai pemegang amanah bagi suatu akaun amanah;

“pemunya bersama” ertinya seorang pendeposit yang bertindak sebagai pemunya bersama bagi suatu akaun bersama.

Pendedahan semasa membuka akaun amanah

3. Semasa membuka suatu akaun amanah, seorang pemegang amanah hendaklah mengemukakan kepada institusi anggota maklumat yang berikut:

- (a) suatu pernyataan bahawa deposit dalam akaun amanah itu dipegang sebagai amanah oleh pemegang amanah itu;
- (b) nombor akaun amanah itu;
- (c) nama, alamat dan nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemegang amanah itu atau apa-apa pengenalanpastian lain yang boleh diterima oleh institusi anggota itu;
- (d) nama dan alamat setiap benefisiari atau kod angka abjad atau apa-apa kod atau pengenal pasti lain bagi benefisiari itu; dan
- (e) amaun atau peratusan kepentingan setiap benefisiari dalam akaun amanah itu.

Pendedahan tahunan berkenaan dengan akaun amanah

4. Pada atau sebelum 31 Mac setiap tahun taksiran, seorang pemegang amanah hendaklah mengemukakan kepada institusi anggota maklumat yang berikut:

- (a) suatu pernyataan bahawa deposit dalam akaun amanah itu dipegang sebagai amanah oleh pemegang amanah itu;
- (b) nombor akaun amanah itu;
- (c) nama, alamat dan nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemegang amanah itu atau apa-apa pengenalpastian lain yang boleh diterima oleh institusi anggota itu;
- (d) nama dan alamat setiap benefisiari atau kod angka abjad atau apa-apa kod atau pengenal pasti lain bagi benefisiari itu, setakat 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya; dan
- (e) amaun atau peratusan kepentingan setiap benefisiari dalam akaun amanah itu, setakat 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya.

Kegagalan pemegang amanah untuk mematuhi

5. (1) Jika seorang pemegang amanah gagal mematuhi kehendak di bawah peraturan 3 atau 4, kepentingan setiap benefisiari dalam akaun amanah itu tidak boleh disifatkan sebagai suatu deposit berasingan dan tidak boleh diinsuranskan secara berasingan.

(2) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, seseorang pemegang amanah yang gagal mematuhi kehendak di bawah peraturan 3 atau 4 tetapi yang kemudiannya mengemukakan maklumat yang dikehendaki kepada institusi anggota itu hendaklah disifatkan sebagai membuka suatu akaun amanah yang baru di bawah peraturan 3 pada tarikh pengemukakan maklumat itu.

Pendedahan semasa membuka akaun bersama

6. Semasa membuka suatu akaun bersama, semua pemunya bersamanya hendaklah mengemukakan kepada institusi anggota nama, alamat dan nombor kad pengenalan atau nombor pasport mereka masing-masing atau apa-apa pengenalpastian lain yang boleh diterima oleh institusi anggota itu.

Kegagalan pemunya bersama untuk mematuhi

7. Jika seorang pemunya bersama gagal mematuhi kehendak di bawah peraturan 6, deposit dalam akaun bersama itu tidak boleh disifatkan sebagai suatu deposit berasingan dan tidak boleh diinsuranskan secara berasingan.

Pengemukaan pada masa lain

8. Perbadanan boleh menghendaki, pada bila-bila masa, seorang pemegang amanah atau seorang pemunya bersama untuk mengemukakan kepada Perbadanan atau kepada institusi anggota yang akaun amanah atau akaun bersama masing-masing telah atau sedang dipegang, apa-apa dokumen atau maklumat lain yang disifatkan perlu atau suai manfaat oleh Perbadanan.

Dibuat 5 Februari 2007
[PIDM/PN/1/2007; PN(PU²)651]

TAN SRI DATO' ABDUL AZIZ BIN HAJI TAHA
Pengerusi
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Diluluskan

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 100(4) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005]

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2005**MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (DISCLOSURE REQUIREMENTS
FOR TRUST ACCOUNTS AND JOINT ACCOUNTS) REGULATIONS 2007**

IN exercise of the powers conferred by sections 49 and 100 of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2005 [*Act 642*], the Corporation, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Malaysia Deposit Insurance Corporation (Disclosure Requirements For Trust Accounts And Joint Accounts) Regulations 2007**.

(2) These Regulations come into operation on 15 February 2007.

Interpretation

2. In these Regulations—

“trust account” means a trust account opened or maintained in a member, institution by a depositor acting as trustee in respect of which, each beneficiary to the trust account and the amount or percentage of the beneficiary’s interest in the trust account, can be identified;

“joint account” means a joint account opened or maintained in a member institution by a depositor acting as joint owner with any other person;

“beneficiary’s interest” means the monies held in a trust account for the named beneficiary;

“trustee” means a depositor acting as trustee of a trust account;

“joint owner” means a depositor acting as joint owner of a joint account.

Disclosure on opening trust account

3. On opening a trust account, a trustee shall submit to the member institution the following information:

- (a) a statement that the deposit in the trust account is held in trust by the trustee;
- (b) the trust account number;
- (c) the trustee’s name, address and identity card number or passport number or any other identification acceptable to the member institution;
- (d) the name and address of each beneficiary or the alphanumeric code or any other code or identifier for such beneficiary; and
- (e) the amount or percentage of each beneficiary’s interest in the trust account.

Annual disclosure in respect of trust account

4. On or before 31 March of every assessment year, a trustee shall submit to the member institution the following information:

- (a) a statement that the deposit in the trust account is held in trust by the trustee;
- (b) the trust account number;
- (c) the trustee’s name, address and identity card number or passport number or any other identification acceptable to the member institution;
- (d) the name and address of each beneficiary or the alphanumeric code or any other code or identifier for such beneficiary, as at 31 December of the preceding assessment year, and
- (e) the amount or percentage of each beneficiary’s interest in the trust account as at 31 December of the preceding assessment year.

Trustee’s failure to comply

5. (1) If a trustee fails to comply with the requirements under regulation 3 or 4, each beneficiary’s interest in the trust account shall not be deemed to be a separate deposit and shall not be separately insured.

(2) For the purpose of these Regulations, a trustee who fails to comply with the requirements under regulation 3 or 4 but who subsequently submits the required information to the member institution shall be deemed to be opening a new trust account under regulation 3 as at the date of submission of the information.

Disclosure on opening joint account

6. On opening a joint account, all its joint owners shall submit to the member institution their respective names, addresses and identity card numbers or passport numbers or any other identification acceptable to the member institution.

Joint owner's failure to comply

7. If a joint owner fails to comply with the requirements under regulation 6, the deposit in the joint account shall not be deemed to be a separate deposit and shall not be separately insured.

Submission at other times

8. The Corporation may require, at any time, a trustee or a joint owner to submit to the Corporation or to the member institution in which the respective trust account or joint account has been or is held, any documents or other information as may be deemed necessary or expedient by the Corporation.

Made 5 February 2007
[PDM/PN/1/2007; PN(PU²)651]

TAN SRI DATO' ABDUL AZIZ BIN HAJI TAHA
Chairman
Malaysia Deposit Insurance Corporation

Approved

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Second Finance Minister

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 100(4) of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2005]

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA